

10/01/2004

Abdullah tetap pilih pendekatan bincang

KUALA LUMPUR: Perbincangan adalah kaedah terbaik bagi menyelesaikan masalah serta pertikaian dalam hubungan dua hala Malaysia dengan Singapura serta negara lain, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Bincang, bincang... sudah tentu... cara terbaik ialah berbincang," kata Perdana Menteri pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Tertinggi Umno pada tahun ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam.

Perdana Menteri mengulas pendirian Malaysia berhubung penyelesaian masalah dua hala serta pertikaian dengan republik itu, khususnya isu air yang sudah lama berlarutan.

Abdullah, dalam wawancara eksklusif bersama Channel News Asia yang disiarkan malam kelmarin, berkata beliau lebih suka menyelesaikan pertikaian air Malaysia-Singapura melalui perbincangan dua hala daripada membawanya ke timbang tara.

"Saya yakin kita ada peluang untuk menyelesaikannya, tentu ada jalan keluar. Saya tidak dapat bayangkan bahawa adalah mustahil untuk mencari suatu penyelesaian secara persahabatan," katanya.

Kenyataan Abdullah itu membayangkan perubahan dalam dasar Malaysia terhadap Singapura yang beberapa bulan lalu dilihat sebagai tegas apabila kedua-dua negara menamatkan rundingan isu dua hala yang tertangguh, termasuk soal air.

Malaysia dan Singapura turut membawa pertikaian dua hala seperti kes tuntutan Pulau Batu Putih dan penambahan laut oleh Singapura ke tribunal antarabangsa untuk ditimbang tara.

Isnin ini, Abdullah akan melakukan lawatan rasmi pertamanya ke Singapura sebagai Perdana Menteri sejak mengambil alih jawatan itu daripada Tun Dr Mahathir Mohamad.

Kelmarin, Abdullah melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri, dan kedua-dua pemimpin bersetuju menyelesaikan sebarang masalah membabitkan kepentingan bersama melalui pendekatan `bertindak cepat' bagi mengelakkan salah anggap yang boleh merumitkan hubungan Malaysia-Indonesia.

Abdullah berkata, beliau juga akan memberi taklimat kepada MT mengenai hasil lawatan ke Singapura pada mesyuarat akan datang.

Katanya, anggota MT bersetuju dengan pendirian beliau bahawa hubungan dua hala dengan negara lain, terutama anggota Asean dipastikan pada tahap terbaik.

"Semua (anggota MT) rasa baik apabila saya mengatakan adalah penting bagi kita untuk memastikan hubungan dua hala dengan negara jiran tetangga itu perlu berada dalam keadaan yang baik, perlu menjamin hubungan yang elok.

"Di samping itu, kita mestilah terus berusaha untuk menyelesaikan apa juga masalah yang wujud dalam hubungan dua hala kita dengan Singapura atau Indonesia malah dengan mana-mana jiran tetangga negara dalam Asean," katanya yang turut menyampaikan taklimat hasil lawatannya ke Indonesia.